

17/02/1999

Nik Aziz keliru isu sekular: Dr M

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat terpengaruh dengan pemikiran Barat berhubung sekularisme yang berpendapat kehidupan di dunia terbahagi kepada agama dan kegiatan duniawi.

Menurut Perdana Menteri, Islam tidak membahagikan antara kehidupan di dunia dan agama kerana setiap perkara yang dilakukan umatnya membabitkan urusan keagamaan.

"Nik Aziz tidak faham antara sekularisme dan keagamaan. Dalam Islam, tidak ada perpisahan antara apa yang dikatakan sekular. Bagaimanapun, di Eropah pada satu masa, kerajaan dikuasai gereja.

"Dengan itu, mereka berpendapat gereja patut dipisahkan daripada kerajaan. Dalam Islam pula, setiap perkara yang kita buat termasuk dalam urusan agama. Kalau kita memerintah, itu juga sebahagian daripada urusan agama," katanya.

Perdana Menteri menjawab soalan pemberita selepas majlis makan tengah hari sempena Tahun Baru Cina anjuran Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, di sini hari ini.

Nik Aziz, yang juga Menteri Besar Kelantan, dalam wawancara yang disiarkan Mingguan Malaysia baru-baru ini berkata, Umno adalah parti sekular sama seperti parti politik lain, kecuali Pas yang berteraskan Islam.

Beliau turut melahirkan pandangan peribadinya mengenai Dr Mahathir yang menurutnya, menyalahgunakan kepintaran kurniaan Allah, untuk menuju ke arah sekular dan tidak untuk Islam.

Nik Aziz juga menyatakan beliau berdoa setiap malam dan selepas sembahyang Subuh meminta Allah memusnah lawan Pas. Sebelum ini, Nik Aziz membuat kenyataan yang Pas sedia menerima kerjasama sesiapa saja, termasuk syaitan untuk menghadapi pilihan raya.

Dr Mahathir berkata, pemimpin Pas ini terlalu terpengaruh dengan cara pemikiran Barat sehingga menggunakan perkataan 'sekular' yang datang daripada bahasa asing, sehingga tidak ada perkataan yang sama dalam bahasa Melayu.

"Ini adalah cara pemikiran orang Barat yang berpendapat kehidupan manusia boleh dibahagi antara agama dengan kegiatan duniawi. Sebaliknya kita dalam Islam semuanya sama. Gerakan kita ada kaitan dengan agama," katanya.

(END)